

---

**MEDIA CLIPPING**

|                   |   |                  |                     |
|-------------------|---|------------------|---------------------|
| <b>Client :</b>   | <b>Heng Huat Resources Group Berhad</b> | <b>Date :</b>    | <b>22 July 2014</b> |
| <b>Media :</b>    | <b>Bernama Newswire</b>                 | <b>Section :</b> | <b>Business</b>     |
| <b>Language :</b> | <b>Malay</b>                            |                  |                     |

**“Heng Huat recorded RM3.75 million PBT in 1Q14”**

**HENG HUAT CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI  
RM3.75 JUTA PADA SUKU PERTAMA**

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Heng Huat Resources Group Bhd, yang bakal disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia pada Jumaat, mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.75 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2014 berbanding RM3 juta pada tempoh sama tahun lepas.

Pendapatan meningkat kepada RM21.31 juta daripada RM16.1 juta sebelum ini, sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan permintaan dan purata harga jualan yang lebih tinggi bagi eksport serat tandan kosong (EFB) kelapa sawit kumpulan itu, kata Heng Huat dalam kenyataan hari ini.

Pengasas bersama merangkap Pengarah Urusan Heng Huat, H'ng Choon Seng berkata, sejak bermulanya eksport terutamanya ke China, kumpulan itu menumpukan kepada penghantaran yang boleh dipercayai dan bekalan serat EFB kelapa sawit berkualiti tinggi kepada pelanggan industrinya.

"Ini membolehkan kita membina reputasi yang kukuh dalam sektor bahan-bahan biomas dan kami gembira kerana usaha penembusan pasaran kami banyak membawa kepada keputusan positif, seperti yang boleh dilihat dalam pertumbuhan jualan serat EFB kelapa sawit kami yang kukuh sehingga kini," katanya.

Tawaran awam permulaan Heng Huat baru-baru ini menyaksikan lebih langganan sebanyak 60.3 kali dan mengumpul RM20.93 juta bagi hasil.

-- BERNAMA